

Bermalam Di Mina

Pengertian Bermalam Di Mina

Yang dimaksudkan bermalam di Mina, ialah berada di kawasan Mina sekadar lebih sedikit selepas tengah malam syar'ie, pada malam-malam hari tasyrik, (*malam 11, 12 dan 13 Zulhijjah*) tetapi tidak mesti *menginap*

Mina (10,11,12 Dan 13 Zulhijjah)



Hukum Bermalam Di Mina

Para jemaah haji diwajibkan bermalam di Mina (*wajib haji*), pada malam-malam hari tasyrik, (*11, 12 dan 13 Zulhijjah*). Jemaah haji yang tidak bermalam di Mina tanpa uzur syar'ie dikehendaki membayar dam

Damnya ialah:

Tertib dan Takdir (m/s 172-73)

Melakukan Ibadah Qurban Di Mina (Jabal Qurban)




Syarat-Syarat Bermalam Di Mina

Sekurang-kurangnya berada di bumi Mina hingga sedikit selepas tengah malam syar'ie pada malam-malam hari tasyrik (*11, 12 dan 13 Zulhijjah*). Dua atau tiga malam

Bacalah Doa Ini Ketika Masuk Ke Mina

Rujuk kepada buku panduan haji untuk
doa yang lengkap serta maksud doa
dalam Bahasa Melayu
(m/s 164)

Masjid Bai-at Di Mina



Keadaan Selepas Melontar Di Hari Tasyrik



Tawaf Wada'

Pengertian Tawaf Wada'

Tawaf Wada' ialah tawaf selamat tinggal, yang mesti dilakukan oleh setiap orang yang akan meninggalkan Kota Makkah, kerana akan kembali ke negerinya atau pergi kesesuatu tempat yang jauhnya dua marhalah (91km) atau lebih, atau kerana pergi ke satu tempat yang ia hendak tinggal disana selama empat hari atau lebih.

Hukum Tawaf Wada'

1. Tawaf Wada' ialah wajib yang tersendiri, ia bukanlah salah satu daripada wajib haji. Tawaf Wada' ini diwajibkan keatas tiap-tiap orang yang hendak meninggalkan Kota Makkah. Wajib diniatkan ketika hendak melakukan Tawaf Wada'
2. Diwajibkan meninggalkan Kota Makkah dengan segera sesudah sempurna Tawaf Wada'nya. Batal Tawaf Wada'nya jika ia tidak meninggalkan Kota Makkah dengan segera tanpa uzur *selesai solat dua rakaat*).

Tidak Batal Tawaf Wada'

Tidak batal Tawaf Wada'nya jika lambat kerana:

1. Berdoa selepas solat sunnat tawaf
2. Minum air Zamzam
3. Berdoa di Multazam
4. Solat fardu berjemaah
5. Menguruskan hal-hal pelayaran (*membeli bekalan, mengikat barang-barang kenderaan*).

Tidak Batal Tawaf Wada'

(sambung)

Wajib mengerjakan Tawaf Wada' sekali lagi, bila tawaf wada'nya batal. Wajib membayar dam jika tawaf wada' tidak dikerjakan tanpa uzur syar'ie. Damnya **Tertib dan Takdir** (*m/s 172-173*)

Seorang yang meninggalkan tawaf wada', dan kembali semula ke Makkah sebelum perjalanannya sampai dua marhalah dan belum sampai ketempat yang dituju, dan ia mengerjakan tawaf wada' maka tiada wajib ia membayar dam.

Tidak Batal Tawaf Wada' (sambung)

Tetapi jika ia sampai ketempat yang dituju, walaupun kurang dari dua marhalah, maka ia wajib membayar dam.

Tawaf wada' tidak wajib keatas perempuan yang haid atau nifas. Tetapi ia wajib kembali dan mengerjakan tawaf wada' jika ia sudah bersih sebelum keluar dari Bumi Makkah. Tidak wajib kembali untuk mengerjakan tawaf wada' jika ia bersih sesudah berada diluar Bumi Makkah.

Perkara Yang Di Sunnatkan Selepas Tawaf Wada'

1. Solat dua rakaat kerana sunnat tawaf wada'
2. Berdoa di Multazam sesudah solat
3. Minum air Zamzam
4. Mengucap Hajar Aswad
5. Berjalan keluar melalui Baabul Wada'

Doa Dan Lafaz Niat Tawaf Wada'

Doa Sebelum Membaca Lafaz Niat Tawaf Wada'

Allah hum-ma in-nii uriidu tawaafa baitikal haraam
fayas-sirhu lli wa taqab-balhu min-nii

Maksudnya: “Ya Allah, sesungguhnya aku hendak mengerjakan tawaf mengelilingi rumahMu yang suci, maka berikanlah aku kemudahan dan terimalah ia daripadaku.”

Lafaz Niat Tawaf Wada'

Nawaitu an atuufa tawaafal wadaa'i sab'ata asywaatin
lillahi ta'ala

*Maksudnya: "Sahaja aku berniat mengerjakan tawaf
wada' tujuh pusingan kerana Allah Ta'ala*

Doa Tawaf Wada' Di Semua Pusingan

Rujuk kepada buku panduan haji untuk doa yang
lengkap serta maksud doa dalam Bahasa Melayu
(m/s 167-169)

Doa Setelah Selesai Tawaf Wada' Di Multazam

Rujuk kepada buku panduan haji untuk doa
yang lengkap serta maksud doa dalam Bahasa
Melayu
(m/s 169 -171)